



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.18/2018

SPR AKAN LANCARKAN KEMPEN JOM SEMAK DAN JOM KITA MENGUNDI

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa satu usaha kempen iaitu **Kempen Jom Semak dan Jom Kita Mengundi** akan dijalankan bertujuan untuk menggalakkan pengundi berdaftar supaya membuat semakan berkaitan status maklumat pengundian mereka dan juga untuk menggalakkan mereka supaya keluar menunaikan tanggungjawab mengundi pada hari pengundian semasa PRU14 nanti.
2. Objektif kempen itu adalah supaya pada hari pengundian nanti tidak berlaku sebarang masalah atau kekalutan kepada pengundi. Disamping itu matlamat kempen ini juga adalah mensasarkan agar tahap kesedaran pemilih terhadap kepentingan mengundi meningkat dan menetapkan sasaran untuk mencapai **85 peratus** pengundi akan keluar mengundi pada PRU14 nanti.
3. Untuk makluman sehingga **Suku Tahun Keempat 2017** terdapat seramai **14,968,304 orang pemilih berdaftar**.
4. Sehubungan dengan itu, SPR pada hari ini telah mengadakan mesyuarat dengan beberapa Kementerian, Jabatan dan agensi termasuk pihak media elektronik bagi menjalinkan kerjasama strategik untuk menjayakan kempen ini bagi mencapai matlamat tersebut.
5. Umum sedia maklum bahawa, Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan berlaku pada bila-bila masa sahaja. Jadi adalah penting untuk pengundi menyemak status pengundian masing-

